



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	11/11/2018	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

DUA BULAN BURU BERUANG

■ Haiwan liar sering rosakkan sarang kelulut, pokok buah akhirnya diperangkap

Mohd Rafi Mamat
cnews@nstp.com.my

Pekan

Kebimbangan pen-ternak madu kelulut di Kampung Pulau Rusa, dekat sini, berakhir apabila seekor beruang matahari jantan dewasa yang sering merosakkan sarang dan kebun buah-buahan, masuk perangkap dipasang Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Khamis lalu.

Mazrul Arif Osman, 43, berkata dia meminta bantuan PERHILITAN untuk memasang perangkap sejak dua bulan lalu, berikutan sarang lebah kelulut dan buah-buahan dirosakkan haiwan itu sehingga mengakibatkan dia kerugian lebih RM2,000.

“Banyak pokok rambutan rosak apabila beruang terbabit mematahkan dahan pokok yang terdapat banyak buah. Kehadiran binatang berkenaan sebelum ini turut menimbulkan keresahan penduduk, (mereka) bimbang kejadian tidak diinginkan berlaku.

“Penantian selama dua bulan untuk menangkap bi-



BERUANG matahari yang berjaya diperangkap PERHILITAN

MAZRUL Arif menunjukkan sarang kelulutnya yang dimusnahkan beruang matahari.

natang liar yang merosakkan lima sarang kelulut selain turut makan buah-buahan termasuk durian sebelum ini akhirnya terjawab,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mazrul Arif berkata, pada Mei lalu PERHILITAN turut berjaya menangkap seekor beruang jantan dewasa di Kampung Pulau Rusa yang lebih ganas apabila cuba memecah masuk bengkel perusahaan makanan pen-

uduk kampung untuk mencari makanan.

Katanya, beberapa penduduk mendakwa masih terdapat seekor lagi beruang yang bergerak bebas merayau dalam kawasan kampung namun saiznya lebih kecil berbanding dua beruang matahari ditangkap sebelum ini.

“Kami berharap PERHILITAN dapat terus menempatkan perangkap bagi menangkap binatang liar berkenaan yang merosakkan kebun nangka, pisang dan belim-

bing yang diusahakan penduduk kampung,” katanya.

Sementara itu, Pengarah PERHILITAN Pahang Ahmad Azhar Mohammed berkata, beruang matahari jantan yang ditangkap di Kampung Pulau Rusa itu berusia lebih 12 tahun.

“Kami lepaskan binatang terbabit di hutan Taman Negara Sungai Relau Merapoh, Lipis bagi tujuan hidup bebas seterusnya bertemu dengan pasangan dan membiak dalam kawasan semula jadi,” katanya.